

Headline	Tak tegah, tak galak		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	141 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,054
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,162



# Tak tegah, tak galak

**K**UALA LUMPUR: “Bukan menegah mahupun menggalak, ia terpulang kepada pasangan untuk berkahwin walaupun salah seorang antara mereka dijangkiti virus HIV, namun pertimbangan yang sewajarnya harus dibuat terlebih dulu bagi mengelak masalah di kemudian hari,” kata Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor (Maij), Datuk Noh Gadut.

Beliau berkata, jika di Johor pasangan yang dijangkiti HIV berhasrat untuk mendirikan rumah tangga akan diberi kaunseling terlebih dulu oleh Pejabat Kadi dan mereka dinasihatkan supaya memikirkannya semula supaya tidak timbul penyesalan selepas berkahwin.

“Perkahwinan adalah untuk mengejar kebahagiaan, kita tidak mahu selepas berkahwin timbul pelbagai masalah disebabkan pasangan dijangkiti penyakit itu. Sebab itu amat penting mereka menghadiri kaunseling ditetapkan Pejabat Kadi diikuti kaunseling oleh Jabatan Kesihatan supaya keputusan yang dibuat nanti tidak memudaratkan diri dan pasangan.

“Jika pasangan tetap dengan keputusan untuk berkahwin, kita tiada halangan namun mereka perlu terima apa juga risiko. Kita juga galakkan mereka melakukan solat istikarah bagi memohon petunjuk dari Allah,” katanya ketika dihubungi di



**“Perkahwinan adalah untuk mengejar kebahagiaan, kita tidak mahu selepas berkahwin timbul pelbagai masalah”**

>Datuk Noh Gadut

sini, semalam.

Muka depan Harian Metro kelmarin melaporkan mengenai seorang wanita yang disahkan positif dijangkiti virus maut HIV pada 2004, doktor menjangka dia hanya boleh hidup selama empat tahun, namun selepas tempoh itu berlalu, dia bukan saja masih mampu bernafas, malah mendapat kehidupan baru apabila ada lelaki berhati murni memperisterikannya serta mendapat anak lelaki.